

Headline	SPRM siasat sumber kekayaan Adam Rosly		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 5,700
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,100



# SPRM siasat sumber kekayaan Adam Rosly

➔ Ketua AMK  
Cabang Ampang  
beri keterangan  
kira-kira 4 jam

**Oleh Suhaila Shahrul Annuar**  
suhaila.shahrul@bh.com.my  
► Putrajaya

**K**etua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Cabang Ampang, Datuk Adam Rosly Abdullah, semalam, memberi keterangan kira-kira empat jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung sumber kekayaannya.

Adam Rosly, 29, tiba di ibu pejabat SPRM, di sini, dengan menaiki kenderaan pelbagai guna (MPV) mewah, Toyota Vellfire ber-

warna hitam, diiringi dua pegawai peribadi, pada jam 8.15 pagi.

## **Beri kerjasama baik**

Bercakap kepada pemberita selepas memberi keterangan, beliau berkata segala maklumat yang diperlukan SPRM berhubung siasatan ke atasnya termasuk sumber pendapatannya sudah diberikan kepada suruhanjaya itu.

“Seperti dijanjikan, saya bagi kerjasama yang sangat baik untuk membuktikan segala hasil yang saya peroleh dan kerjasama ini saya buktikan hari ini (semalam).

“Syabas dan tahniah kepada SPRM, mereka lakukan tugas dan

siasatan yang baik, sekali gus menunjukkan SPRM sangat telus dan profesional menjalankan tugas,” katanya.

## **Kekayaan luar biasa**

Sebelum ini, Ketua UMNO Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo, membuat laporan kepada SPRM menggesa siasatan dilakukan terhadap kekayaan luar biasa dimiliki Adam Rosly pada usia muda.

Ismail dilaporkan berkata, melihat kepada sejarah keluarga dan pekerjaan Adam Rosly, agak mustahil pemuda itu memiliki kekayaan luar biasa seperti mempunyai banglo dan pelbagai kereta mewah.

Headline	SPRM siasat sumber kekayaan Adam Rosly		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	166 cm <sup>2</sup>
Journalist	Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 5,700
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,100



Adam Rosly Abdullah